



KERJASAMA UniMAP, MDC

Oleh : Mohd Basri Basir

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menandatangani surat hasrat (LOI) dengan Macro Dimension Concrete (MDC) Sdn Bhd bagi memenuhi keperluan industri dalam penyediaan konkrit.

Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata, UniMAP menerusi Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) serta Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bahan menjalinkan kerjasama dengan MDC bagi membangunkan penyelidikan saintifik dalam bidang berkenaan.

Beliau berkata, perbincangan berkenaan dimulakan beberapa bulan lalu bersama pusat kecemerlangan itu sebelum LOI ditandatangani baru-baru ini.

“Selain itu, antara objektif LOI ialah memantapkan kewangan luaran, institusi atau jabatan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan antara kedua-dua pihak, di samping mobiliti kakitangan dan pelajar UniMAP,” katanya.

Majlis menandatangani LOI berlangsung di Pejabat Naib Canselor dengan turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP, Prof Dr Rezuwan Kamarudin; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP, Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan; Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan Tempatan (CIGC) UniMAP, Dr Shafriza Nisha Basah; Pengurus CEGeoGTech, Prof Madya Dr Mohd Mustafa Albakri Abdullah dan Dekan PPK Bahan, Dr Mohd Firdaus Omar.

Pada majlis itu, UniMAP diwakili Dr Zul Azhar manakala MDC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Leow Khang Heng.